

## PELADANG JAYA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012



**Nama** : Encik Mohd Zakiron Bin Zahid

**Alamat** : Lot 44, Kampung Kukang,  
16010 Kota Bharu, Kelantan

**Umur** : 44 tahun

**No. K.P** : 680410-03-5655

**Saham** : RM 7,605

**Simpanan** : RM 40,000

**Keahlian** : 1988 (24 tahun)

**PPK** : Nilam Puri, KADA

### LATAR BELAKANG

- ❖ Encik Mohd Zakiron Bin Zahid dilahirkan pada 10 April 1968. Beliau menetap di Kota Bharu, Kelantan bersama-sama dengan isteri dan 6 orang anak beliau.
- ❖ Beliau mendapat pendidikan awal di Sek. Keb Perol, seterusnya memasuki Sek Menengah Mulong dari tingkatan 1 hingga 3 dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sek Vokasional pertanian dari tingkatan 4 hingga 5. Beliau memperolehi Sijil Vokasional dalam bidang Pertanian.
- ❖ Sebelum menceburkan diri dalam bidang pertanian, beliau merupakan penyelia lombong emas dari tahun 1987 – 1989. Beliau kemudiannya membantu orang tua menanam padi dan membela lembu. Bermula dari situ, beliau berjinak-jinak dengan bidang pertanian dan pada tahun 1990, beliau menubuhkan syarikat sendiri iaitu Zakiron Enterprise Sdn. Bhd.

### AKTIVITI EKONOMI

- ❖ Sebelum beliau mencapai tahap sekarang, beliau bermula dengan menanam padi secara kecil-kecilan pada tahun 1990 dengan keluasan seluas 5 hektar. Dalam masa yang sama, beliau mengambil upah membajak untuk kawasan sekitar.
- ❖ Beliau terus mengorak langkah dengan menyewa lesen kilang padi dari Syarikat Kerjasama Kilang Padi Daerah Peringat Berhad pada tahun 1996 sehinggalah tahun 1998. Beliau juga telah membeli kilang padi terpakai dari Kedah dengan kapasiti 4 mt tan. Kemudian beliau memindahkan mesin padi ke Kelantan dan kerja pemasangan semula siap pada tahun 2000 dengan belanja RM 2.0 juta. Aktiviti pertanian beliau terus berkembang dan pada tahun 2010 keluasan tanaman bertambah ke 52 hektar dan kapasiti pengilangan sehingga 4,000 mt setahun.

- ❖ Kini, Encik Mohd Zakiron Bin Zahid merupakan seorang pengusaha kilang padi dan kilang beras. Sepanjang tahun 2011, pendapatan beliau bagi kedua-dua buah projek adalah sebanyak RM 5.607 juta. Manakala pendapatan bersih adalah sebanyak RM 319,944 bagi kedua-dua projek. Kilang padi beliau mampu mengeluarkan hasil sehingga 4.0 mt sejam. Kilang beras pula mampu mengeluarkan hasil sehingga 3.0 mt sejam.
- ❖ Beliau juga mengusahakan kilang dedak dengan kapasiti pengilangan sehingga 1.5 mt sejam. Pendapatan setahun bagi projek ini adalah RM 67,500 dengan bersih sebanyak RM 33,750 setahun.
- ❖ Beliau turut mengusahakan kedai beras yang memasarkan hasil daripada kilang beras (beras borong) beliau. Jumlah modal yang dikeluarkan untuk kedai beras adalah sebanyak RM 200,000. Secara purata, pendapatan setahun bagi projek ini adalah RM 570,000 dengan pendapatan bersih sebanyak RM 28,500 setahun.
- ❖ Selain menguruskan kilang-kilang dan kedai beras, Encik Mohd Zakiron Bin Zahid juga mengusahakan projek-projek pertanian, pertanian lain dan projek bukan pertanian. Beliau mengusahakan tanaman padi seluas 60 hektar, tanaman pisang seluas 6.2 hektar, tanaman cili seluas 1.2 hektar, tanaman tebu seluas 1.2 hektar, ternakan ikan air tawar sebanyak 43 buah kolam simen yang melibatkan kawasan seluas 0.2 hektar, ternakan itik penelur sebanyak 600 ekor, ternakan kambing sebanyak 30 ekor, tanaman kelapa sawit seluas 8 hektar, pengurusan asrama sebanyak 13 bilik, sewaan jentera sebanyak 21 buah, dan juga kerja kontrak pertanian.
- ❖ Keseluruhan pendapatan beliau bagi projek yang diusahakan sepanjang tahun 2011 adalah RM 10,959,302 dengan pendapatan bersih sebanyak RM 1,386,036 setahun atau RM 103,853 sebulan.
- ❖ Hasil dari usaha gigih beliau, beliau berjaya mengumpul aset berjumlah RM 3,096,000 dengan memiliki rumah, kereta, motosikal, lori, tanah dan jentera pertanian.

## **INOVASI DAN KREATIVITI**

- ❖ Beliau juga mewujudkan inovasi dalam projek pertanian beliau di mana beliau menggunakan arang sekam padi sebagai baja tambahan kepada tanaman. Arang sekam padi ini dimasukkan ke dalam lubang sebelum penanaman dibuat. Sekam yang dimasukkan dibiarkan selama 2 – 3 hari dalam keadaan cuaca panas. Kesan daripada bahan tambahan tersebut dapat meningkatkan hasil tanaman.

## **AKTIVITI SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN**

- ❖ Beliau bergiat aktif dalam menyumbang kepakaran kepada masyarakat setempat dengan memberi ceramah-ceramah berkaitan KORTANI LPP, penasihat kepada petani-petani setempat dan juga penasihat kepada pengilang-pengilang beras. Beliau juga telah memberi peluang pekerjaan kepada seramai 72 orang.
- ❖ Beliau turut menyumbang beras percuma kepada yang kurang upaya, ibu ibu tunggal dan anak – anak yatim di kampung Perol dan kawasan sekitarnya serta memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar melalui Persatuan Ibumama dan Guru Sek Keb Perol untuk aktivi seperti sukan, kem binadiri/motovasi dan sebagainya. Selain itu, baru-baru ini beliau juga menghantar pekerja terpilih menunaikan Umrah.

- ❖ Beliau juga memegang beberapa jawatan seperti :
  - Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPK Nilam Puri
  - Ketua Unit Kg. Perol
  - Perwakilan ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri (PPN)
  - Pengerusi PIBG Sek. Keb. Perol
  - Pengerusi JKKKP Perol
  - Pengerusi Persatuan Pengilang
  - AJK Kecil Masjid
  - Bendahari UMNO Cawangan
- ❖ Di antara kursus yang telah dhadiri oleh beliau adalah seperti :
  - Kursus Keusahawanan
  - Kursus Menternak Dan Memproses Makanan
  - Kursus Peningkatan Hasil Padi
  - Kursus Kawalan Penyakit Dan Rumpai
  - Kursus Cili Konvensional di Dinakysang Thai

### **PENCAPAIAN DAN ANUGERAH**

- ❖ Beliau pernah menerima anugerah seperti berikut :
  - Peladang Muda Jaya Peringkat Negeri Kelantan Sempena HPPNN Tahun 2004
  - Peladang Muda Jaya Lelaki Peringkat Kebangsaan Sempena HPPNK Tahun 2007
  - Peladang Jaya Lelaki Peringkat Negeri Kelantan Sempena HPPNN Tahun 2007
  - Peladang Jaya Lelaki Peringkat Negeri Kelantan Sempena HPPNN Tahun 2011

### **PERANCANGAN MASA DEPAN**

- ❖ Beliau berrhasrat menjadikan syarikat beliau sebagai “BERNAS” kedua Malaysia (Bahagian Pantai Timur).
- ❖ Beliau juga ingin membuka gudang jualan borong untuk barang-barang keperluan harian dengan harga berpatutan untuk penduduk sekitar.
- ❖ Beliau bercita-cita membuka peluang perniagaan kepada yang berminat untuk menjadi pengedar beras dan produk produk yang berkaitan.